



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

### SIARAN MEDIA

#### **PEMBAYARAN BANTUAN SEBANYAK RM500 SECARA ONE-OFF KEPADA PESARA YANG LAYAK**

---

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin memaklumkan **bayaran khas sebanyak RM500 secara one-off kepada penerima pencen di bawah RM1,000 bagi yang berkelayakan akan dibayar mulai 20 Mac 2019**. Bayaran bantuan ini dilaksanakan sejajar dengan keputusan Belanjawan 2019 yang dibentangkan pada 2 November 2018 lalu.

JPA bersama Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) telah mengenal pasti senarai penerima pencen di bawah RM1,000 dan bagi memastikan bantuan secara *one-off* ini dibayar kepada penerima pencen yang layak. Semakan secara menyeluruh telah dibuat melalui pelbagai agensi antaranya;

- i. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN);
- ii. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP);
- iii. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM);
- iv. Bendahari Negeri;
- v. Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia (PERKESO);
- vi. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); and
- vii. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)

Hasil semakan tersebut, mendapati **seramai 75,352 penerima pencen di bawah RM1,000 layak menerima bayaran bantuan tersebut**. Keprihatinan kerajaan dalam melaksanakan pembayaran secara *one-off*

sebanyak RM500 diharapkan dapat memberi keselesaan dan memenuhi keperluan semasa para pesara Kerajaan yang terlibat.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai pembayaran bantuan ini, para pesara boleh menghubungi talian 03 - 8885 4648/ 4432/ 4667 pada hari bekerja mulai jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang atau emel kepada [bantuanoneoff@jpa.gov.my](mailto:bantuanoneoff@jpa.gov.my).

#####

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 19 Mac 2019

Tel : 03 - 8885 3096/ 3146 / 3088 (Unit Media)

Emel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)

No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 ( 28 )